

Wanita Umno siapkan risalah hak2 isteri



DATIN PADUKA
AISHAH GHANI

KUALA LUMPUR, Rabu — Pergerakan Wanita Umno Malaysia akan menyilapkan sebuah risalah panduan hak-hak wanita dari segi agama, terutama bagi yang telah berumah tangga.

Menurut Ketua Pergerakan itu, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani, pergerakan itu akan mendapatkan bantuan dari Pusat Islam untuk menyilapkan risalah itu.

Risalah itu disediakan, tegasnya, kerana ramai wanita Islam di negara ini kurang faham tentang hukum-hukum agama terutama dari segi hukum-hukum nikah cerai.

Bellau menyeru kadikadi dan imam yang mahu menikahkan pasangan pengantin supaya melihat sendiri pasangan itu dan meminta supaya pasangan perempuan ditempatkan di ruang tamu berhampiran dengan pasangan lelaki supaya mereka dapat mendengar dengan jelas khutbah nikah yang dibacakan.

Mendengar

"Khutbah nikah inilah yang paling penting didengar oleh kedua-dua pasangan. Di sinilah segala tanggungjawab mereka disebutkan satu persatu tetapi biasanya, pasangan perempuan diletakkan dalam bilik yang ada kalanya tidak langsung mendengar lafaz khutbah nikah itu," tegas bellau.

Ramai pasangan suami isteri yang memasuki institusi perkahwinan tanpa pengetahuan hak masing-masing jika berlaku perceraian.

"Perkara penyelesaian tanggungjawab boleh dielakkan terutama bila berlakunya poligami, jika setiap wanita faham tentang hak mereka dari segi undang-undang Islam," tambahnya.

Datin Paduka Aishah juga menyatakan bahawa upacara akad nikah adalah upacara yang paling penting, bukan kera-

na untuk melihat kedua-dua pasangan tetapi untuk mendengar khutbah nikahnya.

Dari itu, kedua-dua ibu bapa juga, menurut bellau perlu membuat persiapan supaya pengantin perempuan dapat mendengar khutbah itu dengan jelas dan begitu juga para jemputan lain.

Setakat ini katanya, belum pernah ditemui pasangan perempuan diberi tempat khas untuk mendengar khutbah itu.

Datin Paduka Hajah Aishah berkata demikian

ketika mengulas tentang usaha Pergerakan Wanita Umno menyilapkan Undang-undang Keluarga Islam setelah membuat perbincangan dan lawatan ke beberapa buah negeri.

Ditutamakan

Katanya, antara negeri yang telah dilawati dan mengadakan perbincangan dengan pihak-pihak berkuasa ialah Selangor, Negeri Sembilan, Sabah, Kelantan, Melaka,

dan Wilayah Persekutuan.

Sementara negeri-negeri yang belum ialah Pahang, Perak, Johor dan Kedah.

Tetapi menurut bellau, undang-undang itu akan dibentangkan ke Dewan Undangan Negeri berkenaan menjelang hujung tahun ini dan akan dilaksanakan sebaik sahaja diluluskan.

Setakat ini, katanya, sambutan dari Jabatan Jabatan Agama Negeri amatlah menggalakkan

dan banyak teguran membina diterima demi membekalkan undang-undang itu.

Walaupun undang-undang itu tidak selaras, soal pokok seperti nikah cerai, nafkah isteri dan anak-anak ditutamakan.

"Sekiranya si suami beristeri lebih dari satu walaupun tidak memerlukan izin dari isteri pertama, dia haruslah diberitahu, janganlah disembunyikan kerana ia boleh menimbulkan berbagai kekecohan.

Bahan asal dari Arkib
Negera Malaysia